

D.R. 2/2010

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2009) 2010.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2009

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi enam bilion empat ratus tujuh puluh tiga juta lapan ratus empat ribu sembilan ratus enam puluh ringgit (RM6,473,804,960) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2009 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2009 [Akta A1340].

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun</i> (RM)
B. 1	Parlimen	24,465,000
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	5,701,960
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	1,691,000
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	103,011,000
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	366,597,100
B. 9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	6,831,600
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,682,345,000
B. 13	Kementerian Luar Negeri	68,963,000
B. 22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	81,894,600
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	7,160,000
B. 27	Kementerian Kerja Raya	19,350,000
B. 28	Kementerian Pengangkutan	50,634,000
B. 29	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	16,500,000
B. 31	Kementerian Pelancongan	20,000,000
B. 41	Kementerian Pelajaran	1,472,404,800
B. 42	Kementerian Kesihatan	739,918,500
B. 45	Kementerian Belia dan Sukan	16,440,000
B. 46	Kementerian Sumber Manusia	13,858,000
B. 47	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	81,979,300
B. 48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	45,575,700
B. 49	Kementerian Pengajian Tinggi	318,000,000
B. 60	Kementerian Pertahanan	660,932,700
B. 62	Kementerian Dalam Negeri	669,551,700
	JUMLAH	6,473,804,960

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak enam bilion empat ratus tujuh puluh tiga juta lapan ratus empat ribu sembilan ratus enam puluh ringgit (RM6,473,804,960) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2009.

[PN(U³)2206/V]